

D295

u B281 DEB
MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BAHAWA RAKYAT HARUS SEGERA MENERIMA BAHASA MALAYSIA SEBAGAI LAMBANG PRESTIJ BANGSA DAN NEGARA SERTA MENJADIKANNYA BAHASA PERHUBUNGAN YANG BERKESAN ANTARA PELBAGAI KAUM DI NEGARA INI.

PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT HARUS BERSIKAP DEMIKIAN DARIPADA SEKADAR MELIHAT DAN MENGGUNA BAHASA MALAYSIA UNTUK URUSAN YANG MUDAH-MUDAH SAHAJA, ATAU UNTUK BERKOMUNIKASI DENGAN KERAJAAN SEMATA-MATA.

KECINTAAN TERHADAP BAHASA KEBANGSAAN PERLU DIPUPUK DAN DIKEMBANGKAN DENGAN AMALAN, KERANA MELALUI AMALAN AKAN MEMBERIKAN KEYAKINAN UNTUK TERUS MENCINTAI BAHASA ITU, KATANYA KETIKA MERASMIKAN GERAKAN CINTAILAH BAHASA KITA DI SINI HARI INI.

+TnNp MENGAMALKANNYA, SUKAR KITA HENDAK MENYAKINKAN DIRI KITA SENDIRI DNRD ORANG LAIN BAHAWA KITA MENCINTAI BAHASA KEBANGSAAN, + TEGASNYA.

SEJAJAR DENGAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGGESA SEMUA PIHAK, KHUSUSNYA DI SEKTOR SWASTA LEBIH BANYAK MENGGUNA BAHASA MALAYSIA SAMA ADA DALAM TULISAN MAUPUN LISAN DALAM URUSAN DENGAN MASYARAKAT MALAYSIA DAN BUKAN SEKADAR DALAM URUSAN RASMI DENGAN KERAJAAN SAHAJA. - LAGI.

1250MST 11 12 67

u e273 DEB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA DALAM MEMBINA SEMULA ATAU MEMUPUK KECINTAAN RAKYAT AKAN BAHASA KEBANGSAAN ITU, FAKTOR LUARAN IAITU KESEMPATAN DAN PERSEKITARAN JUGA PERLU DIPERTIMBANGKAN.

BELIAU BERKATA BADAN-BADAN PERANCANGAN BAHASA SEPERTI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA PERLU MEMAINKAN PERANAN LEBIH BESAR DAN BERKESAN DAN MENINGKATKAN USAHA MEMPERLUASKAN DNRD MENGAWAL PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN, DI SAMPING USAHA OLEH PERTUBUHAN SUKARELA DAN PERTUBUHAN BAHASA DAN SASTERA.

BAGI MEMPERKUKUKKAN PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA DALAM URUSAN RASMI DAN MELAKSANAKAN DASAR BAHASA KEBANGSAAN SEPENUHNYA, BELIAU MENEGASKAN KAJIAN SEMULA PERLU DILAKUKAN TERHADAP PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG ADA HUBUNGAN DENGAN PENGGUNAAN BAHASA, TANPA MENYENTUH PERSEFAHAMAN ANTARA KAUM SEMASA MENCAPAI KEMERDEKAAN.

KATANYA, KAJIAN JUGA PERLU DILAKUKAN BAGI MELUASKAN LAGI PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA DAN MENELITI PENCAPAIANNYA DAN MENGENALPASTI MASALAH UTAMA PELAKSANAANNYA SEBAGAI BAHASA RASMI DI SEKTOR AWAM DAN SWASTA TERMASUK DALAM BIDANG PROFESIONAL SEPERTI PERUNDANGAN DAN PERUBATAN.

SUNGGUHPUN TAHAP PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA RASMI DI SEKTOR AWAM SUDAH HAMPIR MENYELURUH, TETAPI MUTUNYA 5 IKATAKAN BELUM MENCAPAI TAHAP YANG DAPAT DIBANGGAKAN DAN BOLEH MENJADI TELADAN BAGI SEKTOR PENGGUNA LAIN, KATA BELIAU. - LAGI.

1314MST 11 12 A7

D3 10

U B294 DEB
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

+PERKARA INI PERLU MENDAPAT PERHATIAN SEGERA KERANA PEDOMAN EJAAN, PERISTILAHANDAN TATABAHASA SUDAH DIMANTAPKAN DAN TIDAK MENJADI MASALAH YANG BESAR LAGI BAGI PARA PEGAWAI KERAJAAN MENGGUNAKANNYA. +

DATUK SERI OR MAHATHIR JUGA BERKATA SOAL UNTUK MENGUASAI DAN MENGGUNAKAN PELBAGAI BAHASA UNTUK BERHUBUNG ANTARA RAKYAT DI MALAYSIA AKAN BERKURANGAN PADA MASA AKAN DATANG KERANA GENERASI BARU MASAKINI SUDAH DAPAT MENGUASAI BAHASA MALAYSIA DENGAN BAIK.

OLEH ITU, KATA BELIAU IA TIDAK AKAN MENJEJASKAN KOMUNIKASI ANTARASATU PIHAK DENGAN PIHAK LAIN KERANA SEMUA PIHAK SUDAH PUN MENGUASAI BAHASA KEBANGSAAN, YANG BERERTI DENGAN SATU BAHASA, RAKYAT DAPAT BERHUBUNG DENGAN KESEMUA PENDUDUK DI NEGARA INI.

BELIAU TIDAK MENAFIKAN AKAN PENTING DAN PERLUNYA BAHASA INGGERIS DALAM KEBANYAKAN URUSAN PENTADBIRAN DAN PERNIAGAAN DI SEKTOR SWASTA, TERUTAMA DENGAN SYARIKAT ANTARABANGSA, TETAP BELIAU MEMPERSOALKAN KENCEDERUNGAN PENGGUNAAN BAHASA ITU SECARA BESAR-BESARAN, BAHKAN MEMBELAKANGKAN BAHASA KEBANGSAAN.

PERBUATAN INI MUNGKIN TIMBUL EKORAN KURANGNYA KEYAKINAN AKAN KEUPAYAAN BAHASA KEBANGSAAN ITU, KATANYA SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA SIKAP SEDEMIKIAN PERLU DIKIKIS KERANA BAHASA MALAYSIA TIDAK ADA KEKURANGANNYA UNTUK APA JUA URUSAN KOMUNIKASI. - LAGI.

1318MST 11 12 87

R B295 DEB
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA, KERAJAAN TELAH MELAKSANAKAN PELBAGAI USAHA DALAM MENGISI KEHENDAK DAN SEMANGAT PERLEMBAGAAN DAN AKTA BAHASA KEBANGSAAN UNTUK MEMBINA, MENGEMBANG DAN MENDAULATKAN BAHASA MALAYSIA, SESUAI DENGAN TARAF DAN PERANANNYA.

+KINI SELEPAS 30 TAHUN NEGARA MERDEKA, KITA TIDAK HARUS MEMPERSOALKAN LAGI KEDUDUKAN DAN TARAF BAHASA MALAYSIA DARIPADA SEGI UNDANG-UNDANG, ATAU MENGENAI KEDUDUKAN BAHASA KAUM LAIN YANG WUJUD DI NEGARA INI KERANA SEGALA-GALANYA SUDAH BEGITU JELAS DAN TIDAK HARUS DIJADIKAN ISU.

+DALAM KONTEKS INI, BAHASA TIDAK AKAN DIBENARKAN LAGI MENJADI ISU POLITIK, APATAH LAGI MENJADI ISU PERKAUMAN YANG BOLEH MENJEJASKAN KESTABILAN DAN PERPRDUAN NEGARA KERANA KEDUDUKAN DAN TARAF SETIAP BAHASA YANG WUJUD DI NEGARA INI TELAH DISEPAKATI BERSAMA. +

RAKYAT BERBAHASA IBUNDA BAHASA MELAYU JUGA MEMPUNYAI PERANAN ISTIMEWA DALAM USAHA MENGEMBANGKAN BAHASA KEBANGSAAN ITU, DENGAN MENGGUNAKAN BAHASA KEBANGSAAN YANG BAIK DAN MENGELAKKAN MENGIKUTI LOGHAT RAKAN PERCAKAPAN TERMASUK DENGAN YANG BUKAN MELAYU.

BELIAU PERCAYA DENGAN CARA ITU, DALAM SATU GENERASI LAGI, PENGUSAHA BAHASA KEBANGSAAN OLEH BUKAN MELAYU AKAN MENINGKAT KE TAHAP YANG PENUH. - - BERNAMA

1347MST 11 12 87